

U 8827 DEB  
PARLIMEN - LULUS

KUALA LUMPUR, 18 MAC (BERNAMA) -- PINDAAN TERHADAP AKTA PERTUBUHAN DIBUAT BUKAN UNTUK KEPENTINGAN UMNO TETAPI LANGKAH ITU MENGUNTUNGAN PARTI-PARTI POLITIK LAIN, TEGAS PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

+KITA (MERUJUK KEPADA UMNO) SUDAH DIHAPUSKAN DAN KITA TIDAK AKAN MENJADI HALAL DENGAN PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG INI,+ KATANYA SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG ITU DI DEWAN RAKYAT.

RANG UNDANG-UNDANG ITU KEMUDIAN DILULUSKAN.

SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA DEWAN DARIPADA DAP, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN SUPAYA PARTI ITU BERHATI-HATI KERANA MUNGKIN MENGHADAPI MASALAH YANG SAMA (SEPERTI UMNO) PADA MASA DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENGULANGI PENJELASANNYA MENGENAI PENUBUHAN UMNO (BARU), PENOLAKAN UMNO 88 YANG DITAJA OLEH BELIAU DAN BEBERAPA ORANG RAKANNYA SERTA PENOLAKAN UMNO MALAYSIA.

KATANYA, UMNO 88 DAN UMNO MALAYSIA DITOLAK KERANA PADA MASA PERMOHONAN ITU, UMNO BELUM DISAHKAN BATAL, SELAIN DARIPADA KEPUTUSAN MAHKAMAH BAHAWA IA SEBAGAI PERTUBUHAN TIDAK SAH. -- LAGI  
2253MST 18 03 88

U 8828 DEB  
PARLIMEN - LULUS 2 KUALA LUMPUR

DEWAN KEMUDIAN MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU.

TIGA ORANG DEWAN DARIPADA DAP MEMBAHASKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU IAITU ENCIK LEE LAM THYE (BUKIT BINTANG), DR CHEN MAN HIN (SEREMBAN) DAN ENCIK GOOI HOCK SENG (BUKIT BENDERA). DUA ANGGOTA BARISAN NASIONAL IAITU DATUK ABDULLAH AHMAD (KOK LANAS) DAN DATUK SHAHRIR SAMAD (JOHOR BAHRU) JUGA MEMBAHASKANNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENOLAK DAKWAAN KONONNYA PENDAFTAR BERLAKU BERAT SEBELAH BAKAH IA TIDAK MEMIHAK KEPADA SESIAPA KERANA SEBELUM MEMBATALKAN UMNO, PENDAFTAR PERLU MENDAPATKAN SURAT MENYATAKAN SEBAB.

+SEBENARNYA KITA TELAH IKUT JADUAL DENGAN TELITI DAN TIDAK BERTINDAK SEWENANG-WENANGNYA,+ KATANYA.

MENGENAI DAKWAAN BAHAWA BELIAU TIDAK MENGGUNAKAN SEKSYEN 70 BAGI MENYELAMATKAN UMNO, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BAHAWA BELIAU TIDAK HARUS MENCAMPURI URUSAN MAHKAMAH.

SEKIRANYA BELIAU MENGAMBIL TINDAKAN BERKENAAN, BELIAU AKAN DIKECAM HEBAT OLEH DAP, TAMBAHNYA.

DEWAN BERSIDANG LAGI ISNIN INI. -- BERNAMA  
2259MST 18 03 88